

TEKS UCAPAN ALUAN
DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBADARAN SEBERANG PERAI
SEMPENA PROGRAM GOTONG ROYONG IMEJ BARU
BUTTEWORTH
DENGAN KERJASAMA THINK CITY
DI TAMAN PANTAI, BUTTERWORTH
27 MAC 2015 (SABTU) BERMULA JAM 7.30 PAGI

Yang Berhormat Tuan Tanasekharan
ADUN Bagan Dalam

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Haji Rozali Bin Mohamud
Setiausaha Perbandaran
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Hamdan Abdul Majeed
CEO Think City Sdn.Bhd

Dr.Neil Khor
COO Think City Sdn.Bhd

Encik Murali
Merangkap Project Director of Butterworth

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Wartawan

Yang Berhormat Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan

Salam Sejahtera

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah, izin dan kurnianya dapat kita sama-sama berhimpun pada pagi ini dalam majlis program Gotong Royong Imej Baru Butterworth dengan kerjasama Think City Sdn. Bhd. Saya amat berbesar hati untuk hadir bersama saudara dan saudari pada hari ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi ucapan ribuan terima kasih kepada YB Tanasekharan, tuan-tuan dan puan-puan yang sudi hadir bagi menjayakan program gotong-royong yang julung kali diadakan sempena dengan pelaksanaan Plan Imej Baru Butterworth. Kehadiran semua pihak pada hari ini di hujung minggu adalah mencerminkan satu komitmen yang luhur dan sekaligus memupuk semangat cintakan kehijauan bagi melakukan pembersihan kawasan sekitar. Ucapan ribuan terima kasih saya turut dipanjangkan kepada pihak Think City Sdn. Bhd yang merupakan penaja utama dalam menjayakan kolaborasi program gotong-royong Imej Baru Butterworth.

Tidak lupa juga kepada Gimnasium Rakyat, Daerah Seberang Perai Utara untuk penggunaan kawasan perkarangan gimnasium.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati
sekalian,

Seperti yang telah kita sedia maklum, Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan kerjasama Think City mengorak langkah mewujudkan kolaborasi dua hala dalam memangkin pertumbuhan semula bandar Butterworth. Kajian dan perancangan Bandar Butterworth telah dilaksanakan dengan mewujudkan Pelan Imej Baru Butterworth (IBB) sebagai satu garis panduan bagi pembangunan semula bandar. Think City dengan kerjasama MPSP, telah melancarkan Program Geran Think City / *Think City Grants Programme (TCGP)* untuk membawa perubahan dan penambahbaikan yang dinamik di bandar Butterworth pada Disember 2014 yang lalu. MPSP yang kini aktif dalam usaha menaiktarafkan bandar Butterworth melalui projek-projek infrastruktur, berkongsi matlamat yang sama bersama Think City iaitu untuk mengekalkan kesinambungan budaya, kerancakkan ekonomi dan pembangunan lestari untuk didiami meliputi projek pembangunan semula pembangunan bandar.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati
sekalian,

Untuk makluman semua pihak, Think City Sdn.Bhd dengan kerjasama MPSP juga telah melancarkan *Baseline Study* Bandar Butterworth yang mana secara dasarnya kajian ini dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan populasi setempat dan mendapatkan maklumbalas berkaitan gunatanah (bangunan, kediaman, premis perniagaan, bangunan kerajaan dan sebagainya) di sekitar Bandar Butterworth. *Baseline Study* adalah meliputi kawasan Bandar Butterworth yang akan telah dilaksanakan pada 28 Februari 2015 dan dijangka akan berakhir pada penghujung Mac 2015. Data kajian yang bakal dianalisa akan digunakan sebagai penandaarasan dalam merealisasikan pelan pembangunan semula Bandar Butterworth untuk komuniti setempat khususnya dan *stakeholders* di Seberang Perai secara amnya.

Program Gotong-Royong Imej Baru Butterworth yang diadakan pada hari ini adalah antara program pengisian dalam plan jangka masa panjang Imej Baru Butterworth (IBB). Pelaksanaan program gotong-royong ini adalah antara usaha yang menjadi penghubung dalam menjayakan Kempen Earth Hour yang mendapat perhatian lebih 75 negara-negara lain. Tujuan utama Earth Hour adalah untuk menyampaikan keprihatinan seluruh penduduk dunia perlunya satu tindakan proaktif bagi menangani

isu pemanasan global. Earth Hour merupakan acara tahunan Tabung Alam Sedunia WWF dan disambut pada hari Sabtu terakhir bulan Mac iaitu pada malam ini bermula 8.30 malam sehingga 9.30 malam yang mana kediaman serta pejabat akan mematikan lampu dan peralatan elektrik yang tidak diguna selama sejam sebagai kesedaran ke atas perubahan iklim. Program gotong-royong yang dilaksanakan pada hari ini sekaligus dapat membantu sasaran kempen mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida tahunan dan seterusnya dapat mengawal fenomena pemanasan global dengan memupuk semangat mencintai kehijauan dan menjaga alam sekitar.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati
sekalian,

Untuk makluman semua pihak, pada 5 April 2015 St.Mark's Church Butterworth akan mengadakan Karnival St.Mark di Jalan Pantai, Butterworth dengan kerjasama MPSP dan Think City. Karnival ini adalah sempena menyambut perayaan ke 120 tahun penubuhan St.Mark's Church iaitu bermula tahun 1895 dan juga dalam rangka mengumpul dana dengan menganjurkan kutipan derma. Pelbagai aktiviti menarik telah dirancang sempena karnival ini. Seterusnya, bermula 3 Mei 2015, MPSP akan melaksanakan Program *Car Free Morning* yang akan dijadikan program bulanan yang mana akan dilaksanakan setiap Ahad

minggu pertama setiap bulan. Pewartaan bagi penutupan jalan adalah di sebahagian Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya. *Car Free Morning* atau Pagi Bebas Kenderaan akan bermula pada 6.00 pagi sehingga 12.00 tengahari. Pelaksanaan program ini adalah satu usaha MPSP untuk mewujudkan aktiviti sihat dan hijau di dalam kawasan bandar yang mana boleh disertai oleh komuniti setempat. Pelbagai aktiviti menarik akan dianjurkan contohnya program berbasikal, *booth* pemeriksaan kesihatan, program senamrobik dan pelbagai aktiviti lain dan semua pihak adalah dijemput bagi menjayakan program ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati
sekalian,

Dalam usaha melestarikan pembangunan semula Bandar Butterworth, MPSP dan Think City terus meneruskan komited untuk menganjurkan *Butterworth Fringe Festival* (BFF) yang merupakan satu festival yang julung kali akan diadakan di Butterworth. Festival ini akan mengetengahkan kolaborasi pelbagai pihak yang pastinya akan membawa pengertian yang bermakna dalam menjayakan festival ini. Alliance Francaise, Penang Port, Nescafe dan Australian Royal Air Force adalah antara pihak yang akan sama-sama menjayakan *Butterworth Fringe Festival* bersama MPSP dan Think City yang dijadualkan akan diadakan pada 15-16 Ogos 2015. Pengharapan MPSP kepada semua

pihak khasnya komuniti setempat dapat memberikan kerjasama yang erat dan berkongsi pendapat dalam merealisasikan pelaksanaan program yang akan dilaksanakan dari semasa ke semasa dalam memacu transformasi pembangunan semula Bandar Butterworth. Komitmen semua pihak adalah intipati utama dalam menggerakkan proses urbanisasi pembangunan semula bandar yang mana seperti yang kita sedia maklum semua pihak akan menghadapi satu proses yang kompleks dalam tadbir urus khasnya MPSP sebagai Kerajaan Tempatan dan Think City sebagai agensi swasta yang mempunyai kolaborasi secara holistik dalam pelaksanaan Pelan Imej Baru Butterworth.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

Gotong royong pembersihan yang diadakan pada hari ini adalah akan membersihkan kawasan meliputi di Zon A iaitu Taman Pantai dan Zon B Kawasan Taman Permainan dan kawasan peniaga-peniaga yang mana bertujuan untuk membersihkan kawasan setempat serta mendidik orang ramai tentang kepentingan gotong royong dan adalah diharapkan budaya kesepakatan menjaga alam sekitar ini sentiasa diamalkan.

Saya bagi pihak MPSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan program pada hari ini dan

membantu MPSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami. Marilah kita bersama-sama menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar dan terlibat secara aktif dalam menjayakan program kitar semula.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih